

15 JUN 2003

Muhyiddin-Jawatan

SAYA TIDAK AKAN CABAR SESIAPA DIPILIH ABDULLAH - MUHYIDDIN

JOHOR BAHRU, 15 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau tidak akan mencabar sesiapa sahaja yang dipilih oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memegang jawatan timbalan presiden parti selepas Abdullah mengambil alih teraju kepimpinan parti daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata sebaliknya beliau akan memberi sokongan penuh kepada pemilihan Abdullah itu.

"Bagi saya sendiri kalau Presiden dan Perdana Menteri pada waktu itu telah memutuskan untuk memilih siapa di kalangan pemimpin untuk menjadi timbalannya, saya akan beri sokongan dan menerima keputusan yang beliau buat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Konvensyen Umno Johor di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata Abdullah adalah pemimpin yang matang dan boleh mengambil kira semua perkara sebelum membuat keputusan.

"Dari segi peribadilah, saya sendiri tidak akan mencabar sesiapa saja yang Datuk Seri Abdullah akan pilih untuk memegang jawatan timbalan presiden," katanya sambil menjelaskan bahawa lazimnya, penyandang jawatan timbalan presiden parti itu juga akan memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Muhyiddin, yang juga Anggota Parlimen Pagoh, berkata tokoh yang dipilih oleh Abdullah itu hendaklah diberi penghormatan supaya beliau dapat melaksanakan tugas membantu Presiden.

"Cara itu dari segi faedah dan kebajikannya lebih banyak... jadi bagi saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) tak perlu bimbanglah dengan sikap saya sendiri.

"Saya akan berpegang kepada pendirian saya dan saya menghormati apa saja keputusan yang akan dibuat oleh Datu Seri Abdullah dalam soal ini," katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kebimbangan Dr Mahathir mengenai perebutan jawatan dalam parti.

Dr Mahathir dilapor khuatir dengan perebutan jawatan timbalan presiden dan naib presiden Umno selepas beliau bersara pada Oktober ini.

Muhyiddin berkata beliau yakin Abdullah, yang akan menggantikan Perdana Menteri, akan menggunakan segala kebijaksanaan dan mengambil kira pelbagai faktor dan situasi terutama dari segi kepentingan parti dan kerajaan untuk membuat keputusan.

Beliau berkata adalah menjadi prerogatif Abdullah untuk memilih timbalannya.

Muhyiddin berpendapat mungkin telah sampai masanya jawatan nombor dua dalam parti itu tidak dipertandingkan walaupun dari segi peraturan dan perlembagaan parti jawatan timbalan presiden adalah jawatan yang dipilih menerusi sistem demokrasi.

"Ada juga baiknya dari segi soal pembendungan percaturan politik dan perpaduan di kalangan parti kalau sekiranya jawatan itu tidak dipertandingkan," katanya.

Beliau berkata itu tidak bermakna bahawa Umno menolak demokrasi kerana Perdana Menteri dan Presiden parti waktu itu sudah tentu mengambil kira tentang pentingnya beliau memilih seseorang yang boleh menolong dan membantunya dalam soal politik atau kerajaan.

"Saya berpendapat `kebimbangan' Dr Mahathir (tentang perebutan jawatan nombor dua dalam parti) itu ada asasnya kalau ikut sejarah parti... kita

menghormati pandangan beliau," katanya.

Muhyiddin berkata Abdullah yang bakal memimpin negara tentunya mahu situasi politik dalam Umno stabil kerana banyak tugas yang perlu beliau laksanakan dalam meneruskan kepimpinan cemerlang Dr Mahathir mentadbir negara dan menangani isu-isu besar.

"Kita tahu berdasarkan pengalaman lampau, bila ada pertandingan, akan timbul juga masalah seperti perpecahan dan kelemahan dalam parti. Walaupun itu demokrasi tetapi kadang-kadang ada kesan buruk daripada pemilihan," katanya.

Muhyiddin berkata Umno boleh memulakan tradisi supaya sesiapa yang dilantik sebagai timbalan presiden parti diberikan ruang dan sokongan dan tidak dicabar bagi membolehkan penyandang jawatan itu membantu parti dan kerajaan.

-- BERNAMA

MNY NAK